



88092427



International Baccalaureate®  
Baccalauréat International  
Bachillerato Internacional

**MALAY B – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS B – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO B – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Tuesday 3 November 2009 (morning)

Mardi 3 novembre 2009 (matin)

Martes 3 de noviembre de 2009 (mañana)

1 h 30 m

---

**TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

**LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'Épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

**CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

**TEKS A**

## Indahnya Gunung Ledang

“Haikal, bangun! Kita sudah sampai di Hutan Lipur Gunung Ledang ini.” Alias mengejutkan Haikal yang lena sejak menaiki bas dari tempat pemeriksaan di Tambak Johor tadi.

“Ha, dah sampai?” tanya Haikal sambil menggosok-gosok matanya.

- 5     “Ya, angkat beg kau! Kita di suruh turun cepat. Kawan-kawan lain telah menunggu di bawah sana,” balas Alias.

Dengan cepat Haikal mencapai begnya dan turun mendapatkan kawan-kawannya yang lain. Cuaca pagi itu redup. Haikal dan Alias adalah antara 15 orang pelajar di sekolahnya yang terpilih untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke Gunung Ledang. Sebelum ini, mereka 10 menjalani pelbagai latihan jasmani bagi mempersiapkan diri mendaki gunung.

Semasa menunggu penerangan di tempat meletak kereta, Haikal tercengang melihat puncak gunung yang tingginya kira-kira 1276 meter dari paras laut. Puncak itu seakan-akan ‘diselimuti’ oleh tumbuh-tumbuhan hijau yang segar.

- 15   Kumpulan mereka dibantu oleh seorang pendaki yang berpengalaman. Mereka memulakan pendakian mereka ke kawasan air terjun yang lebih tinggi dengan menggunakan tangga yang telah disediakan. Namun, apabila tiba di tempat yang lebih tinggi dan curam, pendakian menjadi lebih payah. Mereka terpaksa menggunakan tali untuk naik ke kawasan yang lebih tinggi.

Setelah meninggalkan kawasan berehat yang paling atas di Gunung Ledang itu, mereka tiba di satu kawasan lapang. Tiba-tiba segumpulan awan bergerak ke arah mereka. Cuaca mula 20 terasa sejuk. Ketika itu barulah mereka sedar bahawa mereka telah berada di kawasan yang tinggi.

- 25   “Kita berehat di sini,” Cikgu Taib memberikan arahan. “Memandangkan kamu semua baru pertama kali mendaki gunung, kita tidak akan mendaki hingga ke puncaknya. Cukuplah setakat ini,” sambung Cikgu Taib lagi. Terdengar keluh kesal daripada pelajar-pelajar itu, namun mereka bersetuju dengan keputusan itu kerana Cikgu Taib memang berpengalaman tentang selok belok pendakian.

Selepas makan, mereka pun diarahkan untuk menuruni gunung itu. Rupa-rupanya menuruni gunung ini lebih mencabar, lebih-lebih lagi matahari akan terbenam dan jalannya licin serta berlumpur. Cikgu Taib mengingatkan mereka agar lebih berhati-hati dan berpegang pada tali dengan lebih erat. Akhirnya, mereka sampai di kawasan Tapak Perkhemahan Kembara dengan selamat. Oleh sebab hari sudah larut petang, mereka pun membina khemah untuk bermalam sebelum melanjutkan perjalanan pulang pada keesokan harinya.

Diubah suai daripada Ekspedisi Gunung Ledang, Pancaran Bahasa Bacaan Tambahan 2B, Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura, 1999.



Gunung Ledang di Johor

**TEKS B**

## **Khazanah Peninggalan Penulis**



5 Pepatah Melayu ada mengatakan, “harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. Tetapi kalau manusia itu bernama Masuri Salikun atau nama penanya Masuri S.N., beliau sering dikenang kerana meninggalkan ribuan karya dalam bentuk puisi, eseи, cerpen dan drama sebagai warisan dan kajian. Beliau dikenali melalui sajaknya yang bertajuk, “Ini nasi yang kusuap”. Karya tersebut menyingkap bakti petani kepada manusia.

10 Lahir di Geylang Serai, Singapura pada tahun 1927, Masuri belajar di Sekolah Melayu Telok Kurau. Beliau dipilih melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Selepas itu, beliau pulang ke Singapura dan bertugas sebagai guru. Kemudian, beliau menjadi pengetua sehingga bersara pada tahun 1981.

15 15 Bukunya bertajuk *Awan Putih* merupakan koleksi puisi yang pertama yang memuatkan karya-karya yang ditulis antara 1944 hingga 1951. Karya-karya awalnya ini melahirkan suara perjuangan anak bangsa yang dijajah terhadap pembebasan tanah air yang ditakluk. Karyanya *Suasana Senja* pula ialah kumpulan sajaknya yang terakhir dan merupakan himpunan sajak-sajak tulisannya dari tahun 1995 hingga 2001 yang menyampaikan kisah dan harapan bangsanya.

20 20 Selain puisi, Masuri juga menulis cerpen, eseи dan drama. Beliau juga banyak membincangkan perkara-perkara yang melibatkan perkembangan bahasa, sastera dan isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Eseinya memberikan ruang untuk Masuri menyampaikan pemikiran yang banyak diperoleh melalui pengalamandan pembacaannya.

25 25 Masuri telah meninggal dunia pada 6 Disember 2005. Namun, beliau mewariskan hasil penulisannya yang terus meninggalkan kesan kepada pembaca. Hal ini pernah diterangkan olehnya dalam salah satu penulisannya yang berbunyi, “Pada hakikatnya, matinya seorang penyair bukanlah semestinya terkubur semua puisinya. Malah puisi-puisi itu akan terus hidup dan meresap ke dalam kehidupan masyarakat...”

Diubah suai daripada Juffri bin Supaat, *Khazanah Warisan Penyair, Karya-karya Masuri untuk Dikaji*, dalam Masuri S. N. 1927–2005, Perpustakaan Negara Singapura, 2008.

**TEKS C**

## Tak Hilang Ditelan Zaman



Congkak merupakan sejenis permainan rakyat yang sudah lama dikenali dalam dunia Melayu dengan panggilan yang berbeza-beza. Kalau di Malaysia, Singapura dan beberapa daerah di Indonesia seperti Kepulauan Riau permainan ini bergelar "congkak". Tetapi di beberapa daerah lain di Indonesia seperti Sulawesi, namanya "nogarata" dan di Filipina gelarannya "sungka".

- 5 Ahli sejarah mengatakan bahawa congkak berasal dari Timur Tengah dan tersebar ke Asia Tenggara melalui perdagangan. Dalam masyarakat Melayu sendiri, congkak dikatakan berkembang dalam zaman kesultanan Melaka pada abad yang ke-15. Ketika itu, congkak dimainkan oleh puteri-puteri raja dan dayang-dayang yang tinggal bersama mereka di istana. Selain itu, congkak juga dimainkan rakyat jelata.
- 10 Terdapat dua bahan dalam permainan congkak, iaitu papan congkak dan buah congkak. Papan congkak boleh diperbuat daripada kayu. Batu atau kulit kerang boleh digunakan sebagai buah congkak. Terdapat lima atau tujuh lubang sebaris yang dikenali sebagai "kampung". Di kedua-dua hujungnya terdapat lubang ibu yang dikenali sebagai "rumah". Lubang ini terletak di sebelah kiri pemiliknya.
- 15 Kedua-dua pemain akan memulakan permainan  $/ - X - /$  serentak. Mereka akan mengambil buah congkak  $[ - 20 - ]$  salah satu kampung yang telah diisi sebelum permainan dimulakan. Kemudian, mereka  $[ - 21 - ]$  memasukkan semula satu persatu buah congkak ke dalam setiap kampung menuju ke rumah masing-masing  $[ - 22 - ]$  arah pusingan jam sehingga salah seorang berhenti di tempat yang kosong. Ketika itu dia dianggap "mati".  $[ - 23 - ]$  yang seorang lagi 20 akan terus berjalan sehingga dia berhenti. Sesiapa yang dapat mengumpulkan buah congkak yang terbanyak di rumahnya akan memenangi permainan itu.
- 25 Permainan ini kelihatan mudah tetapi sebenarnya memerlukan ketelitian, kecerdasan dan kejujuran pemain. Misalnya, seorang pemain perlu tahu memilih lubang yang tepat agar tidak cepat mati. Dia juga harus teliti ketika memasukkan buah congkak agar tidak tersalah lubang. Pendek kata pemain congkak memerlukan ketangkasan berfikir ketika bermain. Kejujuran diharapkan supaya pemain tidak menipu lawannya ketika leka.

Dipetik daripada Permainan Congkak tak Hilang Ditelan Zaman,  
oleh Mohd Gani Ahmad, *BeritaHarian*, Rabu, 23 Julai 2008, hal 10.

**TEKS D**

## Remaja Hari Ini Boros?

Anda boros? Jika anda gemar menukar jam setiap bulan, atau anda gemar membبورونغ fesyen baju yang sama tetapi dalam pelbagai warna semata-mata untuk mengikut trend atau fesyen semasa, maka anda termasuk dalam golongan ini. Anda juga gemar mengumpul pelbagai jenis telefon bimbit kerana anda jemu dengan 5 jenama yang sama. Ketika makan, anda memesan pelbagai jenis makanan mengikut selera, tetapi menjamah sedikit sahaja makanan tersebut, manakala selebihnya dibuang begitu sahaja. Tahukah anda bahawa anda tergolong dalam kategori pemboros yang gemar membazirkan wang dan berbelanja melebihi kemampuan?

Akibat tidak dapat menahan nafsu, sifat boros boleh menjahanamkan diri 10 sendiri. Anda mula berhutang untuk memenuhi kehendak anda. Hutang-hutang ini akhirnya bertambah dan boleh menjerumuskan diri anda lebih jauh lagi ke dalam dunia berhutang. Hidup boros boleh membuat anda dibelenggu hutang sepanjang hayat.

Lawan sifat boros ialah berhemat atau berjimat cermat. Anda harus berhati-hati 15 semasa berbelanja. Selain memikirkan sama ada penting atau tidak barang yang dibeli, anda juga harus meneliti harga barang tersebut. Namun, sikap ini harus dilakukan secara sederhana kerana jika keterlaluan, anda akan menjadi seorang yang terlalu berkira-kira dan peboleh. Sikap ini juga akan membuat anda dijauhi teman.

Banyak cara yang boleh dilakukan untuk mengelakkan diri daripada 20 menjadi boros. Bagi remaja seperti anda, membuat anggaran perbelanjaan setiap hari dapat membantu anda menabung lebihan wang yang ada. Janganlah menjadi seperti orang yang boros yang telah diterangkan di atas kerana menabung dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi masa depan. Wang yang dikumpulkan dapat membantu anda jika berlaku kecemasan atau jika anda memerlukan wang untuk melanjutkan pelajaran. 25 Menabung juga dapat membolehkan anda membantu keluarga sekiranya keluarga anda hilang punca pendapatan secara tiba-tiba.

Kuasailah diri anda daripada nafsu dengan disiplin, terutama ketika membeli-belah. Buat batasan terhadap diri sendiri ketika berbelanja dan membeli hanya untuk keperluan sahaja. Pembeli yang bijak akan merancang sebelum berbelanja.

Diubah suai daripada *Remaja Hari Ini Boros?* Dewan Siswa Mac 2008,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal 12–13.